



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MEDAC MENYAMBUT BAIK PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)**

**Putrajaya, 28 Jun 2021** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyambut baik Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri yang berlandaskan tiga fokus utama iaitu Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat, Menyokong Perniagaan dan Meningkatkan Vaksinasi.

Menurut Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar, “Inisiatif-inisiatif yang diumumkan dalam Pakej PEMULIH merupakan langkah yang tepat bagi memastikan bantuan yang menyeluruh dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, termasuk usahawan yang sedang menghadapi situasi ekonomi yang getir pada ketika ini”.

“MEDAC berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana menyediakan sejumlah RM100 juta kepada TEKUN bagi membantu perusahaan mikro dalam memulihkan perniagaan mereka.”

Mekanisma pelaksanaan pembiayaan mikrokredit ini akan diperincikan oleh pihak Kementerian dan ia dijangka akan memberi fokus khas kepada usahawan mikro di dalam bidang *non-essential* seperti spa & wellness, refleksiologi, gunting rambut, postnatal, pengurusan acara, katering serta kedai buku dan alatulis yang benar-benar terkesan dengan impak Covid-19 dan penguatkuasaan *lock down*.

“Usahawan di dalam bidang *non-essential* ini menghadapi cabaran yang getir kerana perniagaan mereka ini adalah yang terawal ditutup dan yang terakhir dibenarkan beroperasi susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 mulai tahun lepas sehinggalah penguatkuasaan *lock down* pada ketika ini”.

Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi turut menghargai keprihatinan Kerajaan dalam menyediakan peruntukan berjumlah RM20 juta bagi membantu memulihkan sektor koperasi.

“Selain itu, inisiatif bayaran tambahan di bawah Geran Khas Prihatin (GKP) 4.0, perlanjutan Program Subsidi Upah (PSU) 4.0, kemudahan moratorium dan perlanjutan diskaun bil elektrik juga akan dapat membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh usahawan”.

MEDAC komited dan bersedia dalam memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang diumumkan dalam Pakej PEMULIH dapat sampai kepada semua golongan usahawan yang terkesan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**